

KESEPADANAN FUNGSI TERJEMAHAN DERIVASI IFTA'ALA DALAM SURAH AL-BAQARAH

Correspondence Of The Translation Functions Of Ifta'ala Derivation In Surah Al-Baqarah

Muhammad Firdaus Abdul Manafi, Mohd. Asyran Safwan Kamaruzamanⁱⁱ & Mohd. Kamel Mat Sallehⁱⁱⁱ

ⁱAcademy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

E-mel: firdausmanaf@uitm.edu.my

ⁱⁱAcademy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

E-mel: asyransafwan@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱAcademy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

E-mel: mohdkamel@uitm.edu.my

<i>Abstrak</i>	<i>Abstract</i>
<p>Ramai dalam kalangan penterjemah menghadapi kesukaran untuk mencari padanan terjemahan derivasi kata kerja berimbuhan Arab yang paling tepat ke dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan kegagalan untuk menentukan padanan terjemahan derivasi sesuatu kata kerja berimbuhan antara kedua-dua bahasa tersebut. Makalah ini memberikan tumpuan kepada padanan terjemahan derivasi kata kerja berimbuhan yang paling sejadi dalam surah al-Baqarah. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana penterjemahan Arab-Melayu ini dapat dilakukan dengan baik terhadap kata akar yang dimasuki oleh imbuhan awalan alif pada hadapan sesuatu kata kerja dan imbuhan sisipan ta' yang diletakkan selepas huruf pertama daripada kata akar. Sebanyak enam sampel yang ditemui dalam surah al-Baqarah dikaji menggunakan analisis kontrastif dan teori konteks. Berdasarkan enam fungsi imbuhan</p>	<p>Many translators have difficulty finding the most accurate translation of Arabic verbs into Malay. This is due to the failure to determine the derivative translation match of a prepositional verb between the two languages. This paper focuses on the most natural derivative translation of verbs in surah al-Baqarah. The objective of this study is to see how this Arabic-Malay translation can be done well on root words entered by the prefix alif in front of a verb and the insertion ta' placed after the first letter of the root word. A total of six samples found in surah al-Baqarah were studied using contrastive analysis and context theory. Based on the six reward functions for the verb ifta'ala, only the functions of al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l, al-musharakah, al-ijtihad, al-ittikhadh and al-izhar were found in the six samples of the study, representing 83.3% of the total functions stated. Only the al-mutawa'ah</p>

bagi kata kerja ifta'ala, hanya fungsi al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l, al-musharakah, al-ijtihad, al-ittikhadh dan al-izhar sahaja didapati dalam keenam-enam sampel kajian tersebut, mewakili 83.3% daripada keseluruhan fungsi yang dinyatakan. Hanya fungsi kata imbuhan al-mutawa'ah yang mewakili 16.7%, tidak ditemui dalam mana-mana sampel kajian. Kesimpulannya, penterjemahan dilihat berjaya kerana dapat dilakukan dengan baik dan difahami, bersesuaian dengan konteks ayat. Justeru, tiada sebarang cadangan terjemahan dikemukakan. Hasil kajian boleh dijadikan sebagai input dalam membangunkan modul penterjemahan derivasi kata kerja berimbuhan ifta'ala Arab-Melayu dan mampu memberikan implikasi penting kepada golongan yang terlibat secara langsung dalam bidang penterjemahan, iaitu para pelajar, guru serta peminat ilmu terjemahan.

Kata Kunci: Derivasi, Fungsi, Ifta'ala, Terjemahan

reward word function, which represents 16.7%, was not found in any of the study samples. In conclusion, the translation is seen to be successful because it can be done well and understood, in accordance with the context of the sentence. Therefore, no translation suggestions were submitted. The results of the study can be used as input in developing a translation module for the derivation of Arabic-Malay ifta'ala verbs and can provide important implications to those directly involved in the field of translation, namely students, teachers and fans of translation.

Keyword: Derivation, Function, Ifta'ala, Translation

PENGENALAN

Terjemahan bermaksud memindahkan pelbagai idea dan perkataan daripada satu bahasa ke bahasa yang lain, di samping memelihara inspirasi teks yang diterjemahkan (Lubis et al., 1998). Nida (1964) pula menyatakan bahawa terjemahan ialah penyalinan semula maklumat daripada bahasa asal kepada bahasa penerima dalam bentuk kesepadanan makna yang terdekat. Kajian kesepadanan makna atau kajian semantik merupakan istilah yang wujud pada akhir abad ke-19. Ia berasal daripada perkataan Yunani iaitu *semantikos* yang bermaksud signifikan. Perkataan ini dalam istilah moden digunakan merujuk kepada bidang yang mengkaji hubungan antara perkataan dengan makna (Ibrahim et al., 2006). Newmark (1981) menyebut bahawa teori penterjemahan yang diperoleh daripada bidang linguistik komparatif ini amat menitikberatkan kaitan sesuatu perkataan dengan makna yang ingin disampaikan. Justeru, proses ini melibatkan kesepadanan makna teks bahasa sumber dengan bahasa sasaran dalam mendukung fungsi yang sama dengan unsur yang terdapat antara kedua-dua bahasa tersebut.

Salah satu proses yang dilakukan dalam bidang ini ialah mencari padanan makna berdasarkan fungsi morfologi daripada teks bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran (Abdul Wahid, 2012). Menurut Muhammad Bukhari, Mohd. Fauzi dan Khairunnawa (1998), padanan makna ini amat berkait rapat

dengan kata kerja berimbuhan kerana kata kerja ini terbentuk daripada gabungan kata akar dengan sesuatu kata imbuhan. Al-Hamlawi (2003) pula menyebut bahawa setiap imbuhan tersebut memasuki sesuatu kata akar dengan membawa fungsi dan makna yang tertentu. Sulaiman (2011) juga menjelaskan bahawa setiap imbuhan apabila diteliti dengan mendalam satu persatu, ia akan mengetengahkan makna serta maksud tersendiri dan seterusnya mendominasi makna huruf imbuhan tersebut. Oleh itu, mengetahui makna bagi kata imbuhan dalam sesuatu kata kerja dengan baik amat penting, supaya makna dan maksud yang diterjemahkan itu difahami.

Qaddur (1996) menyebut bahawa pengembangan kata atau derivasi melalui proses pengimbuhan huruf kepada kata akar atau disebut dalam ilmu linguistik moden sebagai penambahan morfem terikat kepada beberapa *wazn* atau pola tertentu menghasilkan struktur atau bentuk kata terbitan yang baharu, bahkan al-Rajih (2008) menyebut bahawa proses ini turut menghasilkan makna baharu berdasarkan konteks yang tertentu. Sebagai contoh ialah kata imbuhan awalan *alif* (ا) yang memasuki kata akar bagi kata kerja *madi jama'a* (جمع) dan kata imbuhan sisipan *ta'* (ت) yang diletakkan selepas huruf pertama kata akar tersebut iaitu *jim* (ج) yang akhirnya membentuk perkataan baharu iaitu *ijtama'a* (اجتمع). Kata kerja *madi jama'a* (جمع) ialah kata akar yang bermaksud 'kumpul' atau 'susun'. Namun, penambahan kedua-dua kata imbuhan tersebut ke dalamnya, membawa banyak fungsi dan salah satu daripadanya ialah *mutawa'ah* atau kesan dan refleks daripada sesuatu perlakuan kata kerja yang diterjemahkan sebagai morfem 'ter ...', bersesuaian dengan 'imbuhan bangun membuat sesuatu dengan tidak sengaja' dalam morfologi bahasa Melayu seperti ayat berikut:

جمعت الأوراق المبعثرة فاجتمعت


Terjemahannya ialah 'Saya mengumpulkan kertas-kertas yang bertaburan itu, lalu ia pun tersusun'.

METODOLOGI

Metodologi kajian ini dilihat daripada tatacara pengumpulan data, korpus kajian, tatacara penganalisisan data serta kerangka teori dan konseptual. Metodologi yang pertama berkaitan dengan tatacara pengumpulan data. Kajian ini mengutamakan konsep kajian kepustakaan dalam pengumpulan data. Rujukan sumber terdiri daripada sumber utama dan sumber sekunder. Sumber utama dikutip daripada 'Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim' (THQK) (2013) dan 'Kamus Besar Arab Melayu Dewan' (KBAMD) (2006). Manakala, data sekunder pula diperolehi melalui bahan-bahan bacaan yang mempunyai kaitan dengan analisis sampel kajian yang terdiri daripada dua buah kitab tafsir al-Quran utama iaitu 'al-Tafsir al-Munir' (TMR) (1991) yang

ditulis oleh al-Zuhayli serta 'Tafsir Mubin' (TMN) (2009) yang ditulis oleh Abdullah dan Khalid. Metodologi kedua pula berkaitan dengan korpus kajian yang memberikan tumpuan kajian hanya kepada kitab 'Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim' (THQK) (2013), terbitan al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.

Metodologi yang ketiga berkaitan dengan tatacara penganalisisan data. Terdapat enam sampel kajian yang diperolehi akan dianalisis secara 'analisis kontrastif' dengan menggunakan 'teori konteks'. Analisis kontrastif ialah sesuatu yang dilakukan untuk menunjukkan perbezaan. Analisis kontrastif ialah satu analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan atau persamaan antara dua bahasa atau lebih, atau antara dua dialek atau lebih dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat menyelesaikan masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan (*Kamus Dewan*, 2016). Oleh kerana analisis kontrastif dilihat menjurus kepada kajian terhadap aspek sepadan antara dua bahasa atau lebih, ia amat sesuai diaplikasi dalam bidang terjemahan kerana bidang ini pasti melibatkan bahasa yang berbeza-beza, di samping aspek padanannya dianggap perkara yang paling penting dalam penterjemahan. Justeru dalam kajian ini, penilaian terjemahan terhadap kata kerja berimbuhan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu melalui terjemahan surah al-Baqarah dalam THQK akan dianalisis mengikut pendekatan analisis kontrastif ini. Penumpuan akan diberikan kepada perbandingan fungsi kata imbuhan antara kedua-dua bahasa tersebut dengan mengambil kira pertimbangan konteks bahasa dalam memilih perkataan-perkataan tertentu atau ketika menyusun seluruh terjemahan. Ringkasan proses analisis ini adalah seperti berikut:



Rajah 1. Penilaian terjemahan kata kerja berimbuhan menggunakan analisis kontrastif dan teori konteks

Manakala, teori konteks pula ialah prinsip asas dalam menentukan makna dengan mengambil kira keadaan atau latar belakang sesuatu ayat. Ketepatan terjemahan bukan semata-mata dilihat kepada aspek padanan sahaja, bahkan ia perlu mengambil kira proses pemindahan kemanusiaan yang sentiasa terikat dengan konteks kerana bahasa sumber dan bahasa sasaran, masing-masing mempunyai taburan leksikal dan gaya bahasa yang tersendiri


(Abdul Talib, 1996). Konteks linguistik menjelaskan hubungan antara dua unsur bahasa yang meliputi konteks hubungan antara kata dengan kata dalam frasa atau ayat, hubungan antara frasa dalam satu ayat atau wacana dan hubungan antara ayat dalam wacana (Abdul Aziz, 2010). Melalui konteks linguistik ini, makna yang khusus dapat ditentukan dengan jelas, tidak pelbagai dan berkongsi maknanya (Qaddur, 1996). Perkataan عين ('*ayn*) dalam bahasa Arab mempunyai banyak makna. Antaranya ialah mata, mata air, pengintip, penduduk sebuah negara, jeneral, ketua tentera, ketua kaum, zat daripada sesuatu, sesuatu yang bernilai dan lain-lain lagi (KBAMD, 2006). Namun, maksud sebenarnya hanya dapat diketahui melalui konteks ayat yang dimasuki oleh perkataan tersebut.

Tatacara kajian terhadap enam sampel daripada *wazn* kata kerja berimbuhan *madi ifta'ala* yang ditemui dalam surah al-Baqarah, berdasarkan analisis kontrastif dan teori konteks sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini adalah mengikut langkah-langkah seperti di bawah:

- i. Teks al-Quran yang telah dipilih sebagai sampel akan ditulis berserta rujukan ayatnya.
- ii. Kemudian diikuti oleh teks terjemahan yang diambil daripada THQK.
- iii. Setelah itu, ulasan akan dibuat melalui proses penilaian terjemahan kata kerja berimbuhan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.
- iv. Konteks yang mengiringi teks al-Quran pada setiap sampel akan diteliti menggunakan dua buah kitab tafsir al-Quran iaitu TMR (1991) yang ditulis oleh al-Zuhayli serta TMN (2009) yang ditulis oleh Abdullah dan Khalid untuk melihat sama ada teks terjemahan yang ditulis mengikut konteks asal atau sebaliknya.
- v. Selepas itu, fungsi imbuhan bagi setiap sampel pula dikenalpasti berdasarkan kajian konteks sebelum ini untuk melihat kesepadanan makna fungsi kata imbuhan yang sesuai dalam bahasa Melayu pula.
- vi. Sekiranya terjemahan yang diberikan betul dan padanan antara teks al-Quran dengan teks terjemahan tepat, maka terjemahan itu akan dikekalkan.
- vii. Jika keadaan berlaku sebaliknya, satu cadangan terjemahan akan dikemukakan.

Berdasarkan keterangan yang lalu, satu kerangka kerja teoritikal dan konseptual dapat difahami sebagai metodologi kajian yang keempat. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dalam menganalisis dokumen pada THQK. Sampel-sampel yang terpilih dianalisis secara kontrastif untuk mencari persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa daripada aspek fungsi kata imbuhan yang disisipkan pada sesuatu kata kerja berimbuhan. Penentuan fungsi kata imbuhan yang terdapat pada kedua-dua bahasa pula hanya diketahui berdasarkan konteks ayat yang difahami

melalui KBAMD (2006) serta dua buah kitab tafsir al-Quran iaitu 'al-Tafsir al-Munir' (1991) yang ditulis oleh al-Zuhayli serta 'Tafsir Mubin' (2009) yang ditulis oleh Abdullah dan Khalid. Akhirnya, beberapa dapatan kajian diperoleh melalui proses analisis yang dilakukan sebelum ini. Ringkasan daripada teoritikal dan konseptual melalui kajian ini adalah seperti berikut:



Rajah 2 Kerangkakerja teoritikal dan konseptual kajian

FUNGSI DERIVASI KATA KERJA BERIMBUHAN IFTA'ALA

Kata kerja berimbuhan *ifta'ala* ini terbentuk dengan penambahan dua jenis kata imbuhan iaitu imbuhan awalan *alif* (ا) yang memasuki kata akar bagi kata kerja *madi fa'ala* (فعل) dan kata imbuhan sisipan *ta'* (ت) yang diletakkan selepas huruf pertama kata akar tersebut iaitu *fa'* yang akhirnya membentuk perkataan baharu iaitu *ifta'ala* (افتعل). Imbuhan ini membawa banyak maksud dan antaranya adalah seperti berikut:

- i. Ia membawa maksud *al-mutawa'ah* atau kesan dan refleks daripada sesuatu perlakuan kata kerja di atas pola ini ('Abd al-Hamid, 2009). Dalam bahasa Melayu, imbuhan ini diterjemahkan sebagai morfem 'ter ...' yang sebenarnya terdiri daripada 'imbuhan bangun membuat dengan tidak sengaja' seperti ayat berikut:

جمعت الأوراق المبعثرة فاجتمعت

Terjemahannya ialah 'saya mengumpulkan kertas-kertas yang bertaburan itu, lalu ia pun *tersusun*'. Perkataan *jama'a* (جَمَعَ) yang membawa maksud 'kumpul' (KBAMD, 2006) merupakan kata akar bagi perkataan *ijtama'a* (اجْتَمَعَ) mengikut *wazn* kata kerjanya iaitu *ifta'ala* (افتتعل). Kata terbitan baharu ini membawa maksud 'terkumpul' iaitu penambahan morfem 'ter' yang kemudiannya disesuaikan dengan konteks ayat dan akhirnya diterjemahkan sebagai 'tersusun'.

- ii. Ia membawa maksud *al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l*, iaitu 'melampau dalam melakukan sesuatu perbuatan' (al-Hamlawi, 2003) sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah, pada ayat 286:

لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ

Terjemahannya ialah 'Dia mendapat pahala daripada usaha kebajikan yang dilakukan dan mendapat dosa daripada usaha melampau yang dikerjakan (THQK, 2013)'. Perkataan *kasaba* (كَسَبَ) membawa maksud 'berusaha' (KBAMD, 2006) dan kemudiannya ia dimasuki oleh dua jenis imbuhan ini sehingga membentuk perkataan baharu, iaitu *iktasaba* (اكتسب) yang membawa pengertian 'usaha yang melampau' (KBAMD, 2006).

- iii. Ia menunjukkan bahawa sesuatu perbuatan itu 'saling' dilakukan secara bersama-sama dan kedua-dua pihak menerima kesan perbuatan tersebut. Dalam bahasa Arab, proses ini dikenali sebagai *al-musharakah* seperti ayat (Ismail, 2003):

اِخْتَلَفَ النَّاسُ فِي أَحْزَابٍ مُتَعَدِّدَةٍ

Terjemahannya ialah 'manusia saling berselisih melalui parti yang berbeza-beza'. Perkataan *ikhtalafa* (اختلف) berasal daripada kata nama *khilfah* yang bermaksud 'perselisihan' (KBAMD, 2006). Apabila kata nama ini dibentuk semula mengikut *wazn ifta'ala* (افتتعل), ia membawa maksud 'saling berselisih antara satu sama lain'.

- iv. Ia membawa maksud *al-ijtihad* atau menunjukkan sesuatu perbuatan itu dilakukan dengan bersungguh-sungguh (al-Hamlawi, 2003). Sebagai contoh perkataan *sami'a*, *sharika* dan *fataha* yang masing-masing hanya sekadar bermaksud 'mendengar' (KBAMD, 2006), 'berkongsi' (KBAMD, 2006) dan 'membuka' (KBAMD, 2006). Namun, apabila dimasuki oleh imbuhan-imbuhan mengikut *wazn ifta'ala* ini, kesemuanya membentuk perkataan dan makna baharu iaitu *istama'a* (استمع) yang bermaksud 'mendengar dengan teliti' (KBAMD, 2006), *ishtaraka* (اشترك) yang

bermaksud 'berkongsi sepenuhnya' (KBAMD, 2006) dan *iftataha* (اِفْتَاتَحَ) yang bermaksud 'merasmikan' (KBAMD, 2006).

- v. Ia membawa maksud 'mengambil dan menggunakan sesuatu' atau *al-ittikhadh* ('Abd al-Hamid, 2009). Sebagai contoh seperti ayat berikut:

اِخْتَدَمَ زَيْدٌ لَّهُ

Terjemahannya ialah 'Zaid mengambil pekerja untuk dirinya'. Perkataan *ikhtadama* (اِخْتَدَمَ) berasal daripada kata kerja *khadama* (خَدَمَ) yang bermaksud 'melayani' (KBAMD, 2006). Namun apabila dibentuk mengikut kata dan fungsi ayat di atas, ia membawa maksud 'mengambil pelayan' atau 'mengambil pekerja' mengikut konteks ayat.

- vi. Ia bermaksud 'menyatakan dan menjelaskan' sesuatu atau dalam bahasa Arab ia disebut sebagai *al-izhar* (al-Hamlawi, 2003). Sebagai contoh, perkataan *i'tazara* (اِغْتَذَرَ) yang bermaksud 'menyatakan alasan' (KBAMD, 2006), sedangkan kata akarnya iaitu '*uzr* (عُذْر) membawa maksud 'alasan' (KBAMD, 2006). Justeru difahami bahawa penambahan kata imbuhan tersebut turut menambah makna 'menyatakan' pada terjemahan kata akarnya.

ANALISIS KESEPADANAN FUNGSI TERJEMAHAN DERIVASI KATA KERJA BERIMBUHAN IFTA'ALA

Sampel 1

﴿ أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴾

(Surah al-Baqarah 2: 16)

Teks terjemahan:

Mereka itu adalah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk, maka tidak beruntung perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk (THQK, 2013).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi ishtaruru* (اشْتَرَوْا). Kata akar ini berasal daripada perkataan *shara* (شَرَى) yang bermaksud 'menjual', 'ambil dengan harga yang murah' atau 'mengambil' (KBAMD, 2006). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *ishtara* (اشْتَرَى) mengikut *wazn ifta'ala* (اِفْتَاعَلَ) yang membawa maksud 'membeli' (KBAMD, 2006). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* dan akhirnya berubah menjadi kata kerja *madi ishtaruru* (اشْتَرَوْا) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan *ishtaru* (اشْتَرُوا) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Al-Zuhayli (1998) menyebut bahawa perkataan *ishtaru* (اشْتَرُوا) tersebut merujuk kepada maksud 'membeli'. Ayat tersebut sebenarnya ditujukan kepada orang-orang munafik yang mengetahui kebenaran baginda Nabi Muhammad, namun sikap angkuh dan hasad dengki menyebabkan mereka sungguh-sungguh berusaha untuk menghancurkan umat Islam secara senyap-senyap. Tindakan mereka digambarkan dengan bahasa kiasan iaitu 'membeli kesesatan' yang bermaksud menukar iman dengan nilai kekufuran (Abdullah & Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua *ishtaru* (اشْتَرُوا) berfungsi sebagai *al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l* iaitu 'melampau dalam melakukan sesuatu perbuatan'. Justeru, perkataan *ishtaru* (اشْتَرُوا) seharusnya diterjemahkan sebagai 'sungguh-sungguh membeli' dengan fungsi makna yang sedia ada. Namun, terjemahan memilih perkataan 'membeli' sahaja dengan penambahan kata imbuhan awalan 'mem ...' pada awal kata 'beli' untuk tujuan serta fungsi kata imbuhan tersebut (Hasan, 2006) dan ia tepat kerana figura bahasa 'membeli kesesatan' dalam ayat di atas sudah cukup menggambarkan sikap-sikap pelakunya yang sungguh-sungguh memilih jalan kesesatan berbanding jalan kebenaran yang sedia ada.

Sampel 2

﴿هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾

(Surah al-Baqarah 2: 29)

Teks terjemahan:

Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak menuju langit, lalu dijadikanNya tujuh langit. Dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu (THQK, 2013).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi istawa* (استَوَى). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada perkataan *sawiya* (سَوَى) yang membawa maksud 'menjadi lurus urusannya' (KBAMD, 2006). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *istawa* (استَوَى) mengikut *wazn ifta'ala* (افتعل) yang membawa maksud 'bangkit dan berdiri lurus', 'menuju ke arahnya', 'memanjat', 'mendekati', 'menetap', 'menduduki' atau 'berkuasa' (KBAMD, 2006). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* (اشتقاق) atau derivasi dan akhirnya berubah menjadi kata kerja *madi* (مَاضِي) *istawa* (استَوَى) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan *istawa* (استوى) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Al-Zuhayli (1998) menyebut bahawa perkataan *istawa* (استوى) tersebut merujuk kepada maksud 'menuju ke arahnya'. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud 'bangkit dan berdiri lurus', 'memanjat', 'mendekati', 'menetap', 'menduduki' atau 'berkuasa'. Ayat tersebut menjelaskan kekuasaan Allah yang menciptakan bumi. Kemudian Dia 'berkehendak menuju' ke langit iaitu mengarahkan kekuasaanNya pula untuk menciptakan tujuh petala langit (Abdullah & Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua *istawa* (استوى) berfungsi sebagai *al-izhar* atau 'menyatakan ...' iaitu menyatakan hendak menuju kepada sesuatu arah. Terjemahan tepat apabila memilih perkataan 'berkehendak menuju' dengan penambahan kata 'berkehendak' untuk tujuan dan fungsi imbuhan tersebut (Hasan, 2006).

Sampel 3

﴿ إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴾

(Surah al-Baqarah 2: 158)

Teks terjemahan:

Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian dari syiar Allah. Maka barang siapa yang beribadah haji ke Baitullah atau mengerjakan umrah, maka tidak ada dosa baginya mengerjakan Sa'i antara keduanya. Dan barang siapa yang mengerjakan sesuatu kebajikan dengan kerelaan hati, maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan, lagi Maha Mengetahui (THQK, 2013).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi i'tamara* (اعتمَرَ). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi 'amara* (عَمَرَ) yang bermaksud 'hidup lama', 'menjadi makmur', 'melanjutkan usia', 'membina' atau 'mentadbir' (KBAMD, 2006). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *i'tamara* (اعتمَرَ) mengikut *wazn ifta'ala* (افتعل) yang membawa maksud 'memakai serban', 'menunaikan umrah', 'menuju kepadanya' atau 'mengunjungnya' (KBAMD, 2006).

Perkataan *i'tamara* (اعتمَرَ) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Al-Zuhayli (1998) menyebut bahawa perkataan *i'tamara* (اعتمَرَ) tersebut merujuk kepada maksud 'menunaikan umrah'. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud 'memakai

serban', 'menuju kepadanya' atau 'mengunjunginya'. Ayat tersebut menjelaskan bahawa perbuatan sai pernah dilakukan oleh orang-orang musyrikin terdahulu tetapi mereka bersai hanya untuk berhala mereka, manakala umat Islam pula bersai kerana Allah. Justeru, tiada dosa bahkan diberi pahala bagi sesiapa yang bersai ketika 'mengerjakan umrah' walau perbuatan tersebut pernah menjadi amalan orang-orang musyrikin sebelum ini (Abdullah & Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan kata imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua *i'tamara* (اغْتَمَرَ) berfungsi sebagai *al-ittikhadh* atau 'mengambil sesuatu ...'. Justeru, makna yang difahami daripada kata kerja *madi i'tamara* (اغْتَمَرَ) berdasarkan fungsi tersebut ialah 'mengambil umrah'. Namun terjemahan memilih perkataan 'mengerjakan umrah' dan bukannya 'menunaikan umrah'. Penambahan kata 'mengerjakan' adalah bersesuaian dengan tujuan dan fungsi imbuhan tersebut dinyatakan (Hasan, 2006). Oleh demikian, terjemahan masih tepat dan tidak menyimpang daripada maksud yang dikehendaki.

Sampel 4

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنِ اتَّقَى وَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

(Surah al-Baqarah 2: 189)

Teks terjemahan:

Mereka bertanya kepadamu tentang bulan sabit. Katakanlah: 'Bulan sabit adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan (bagi ibadah haji)' dan bukanlah kebajikan memasuki rumah-rumah dari belakangnya, akan tetapi kebajikan itu ialah kebajikan orang yang bertaqwa. Dan masukilah rumah-rumah itu dari pintunya dan bertaqwalah kepada Allah agar kamu beruntung (THQK, 2013).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi ittaqa* (اتَّقَى). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi waqa* (وقى) yang bermaksud 'takut', 'menjaga daripada rosak' atau 'melindungi' (KBAMD, 2006). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *iwtaqa* (اوتقى) mengikut *wazn ifta'ala* (افتعل). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* dan akhirnya berubah menjadi perkataan *ittaqa* (اتقى) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini yang membawa maksud 'berselindung', 'takut kepada Allah', 'menjauhi' atau 'berhati-hati' (KBAMD, 2006).

Perkataan *ittaqa* (اتقى) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Al-Zuhayli (1998) menyebut bahawa perkataan *ittaqa* (اتقى) tersebut merujuk kepada maksud 'takut kepada Allah'. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud

'berselindung', 'menjauhi' atau 'berhati-hati'. Ayat tersebut sebenarnya menjelaskan fungsi peredaran anak bulan yang menandakan waktu urusan manusia seperti masa ibadat haji, masa berpuasa, berzakat, kedatangan haid dan sebagainya. Kemudian disusuli dengan sikap orang-orang yang 'bertaqwa' ialah mereka yang selalu melakukan kebajikan seperti menghormati tuan rumah dengan meminta izin kepada mereka untuk masuk ke dalam rumah dan melalui pintu hadapan. Bukannya tanpa izin dan melalui pintu belakang sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang jahiliah pada zaman dahulu (Abdullah & Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua *ittaqa* (اتَّقَى) berfungsi sebagai *al-ijtihaad* atau menunjukkan sesuatu perbuatan itu dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Justeru, makna yang difahami daripada kata kerja *madi ittaqa* (اتَّقَى) berdasarkan fungsi tersebut ialah takut kepada Allah dengan bersungguh-sungguh. Namun terjemahan dilihat memilih perkataan 'bertaqwa' dengan imbuhan awalan 'ber ...' untuk tujuan serta fungsi imbuhan tersebut (Hasan, 2006) dan ia sebenarnya lebih tepat dengan konteks ayat serta tidak menyimpang daripada maksud asalnya yang dikehendaki.

Sampel 5

﴿كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ ۗ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ﴾

(Surah al-Baqarah 2: 213)

Teks terjemahan:

Manusia itu adalah umat yang satu. (Setelah timbul perselisihan), maka Allah mengutus para Nabi sebagai pemberi khabar gembira dan pemberi ingatan dan Allah menurunkan bersama mereka Kitab yang benar untuk memberi keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan. Tidaklah berselisih tentang Kitab itu melainkan orang yang telah didatangkan kepada mereka Kitab, iaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, kerana dengki antara mereka sendiri. Maka Allah memberi petunjuk kepada orang yang beriman tentang kebenaran yang mereka perselisihkan itu dengan kehendakNya. Dan Allah selalu memberi petunjuk kepada orang yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus (THQK, 2013).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi ikhtalafa* (اختلف). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi*

khalafa (خَلَفَ) bermaksud 'berubah', 'menolak', 'menjadi pengikut' atau 'memukul' (KBAMD, 2006). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *ikhtalafa* (اِخْتَلَفَ) mengikut *wazn ifta'ala* (اِفْتَعَلَ) yang membawa maksud 'berbeza', 'tidak sama' atau 'tidak bersetuju' (KBAMD, 2006).

Perkataan *ikhtalafa* (اِخْتَلَفَ) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Al-Zuhayli (1998) menyebut bahawa perkataan *ikhtalafa* (اِخْتَلَفَ) tersebut merujuk kepada maksud 'tidak bersetuju'. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud 'berbeza' atau 'tidak sama'. Ayat tersebut menjelaskan bahawa salah satu fungsi para rasul diutuskan ialah menyelesaikan perselisihan yang berlaku dalam kalangan manusia. Lalu Allah menurunkan kitab-kitab yang mengandungi keterangan yang benar sebagai panduan kehidupan kepada mereka. Namun selepas itu masih ada lagi dalam kalangan mereka yang 'berselisih' tetapi bukan lagi kerana jahil atau pun lupa, sebaliknya disebabkan hasad dengki terhadap orang-orang yang beriman itu sendiri (Abdullah & Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan kata imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua *ikhtalafa* (اِخْتَلَفَ) berfungsi sebagai *al-musharakah* atau menunjukkan bahawa sikap tidak bersetuju itu 'saling' dilakukan secara bersama-sama dan kedua-dua pihak menerima kesan perbuatan tersebut. Berdasarkan fungsi imbuhan sebelum ini, perkataan *ikhtalafa* (اِخْتَلَفَ) sepatutnya diterjemahkan sebagai 'saling tidak bersetuju'. Namun terjemahan memilih perkataan 'berselisih' dan ia lebih tepat dengan konteks ayat serta sesuai dengan fungsi imbuhan yang terdapat dalam kata kerja tersebut. Ini kerana perkataan 'berselisih' perkataan seerti dengan kata 'tidak setuju' dan ia telah dimasuki oleh imbuhan awalan '*ber ...*' yang berfungsi sebagai kata bangun refleksi yang menunjukkan *al-musharakah* juga atau perbuatan yang saling berbalasan antara satu sama lain (Hasan, 2006).

Sampel 6

﴿ تِلْكَ الرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ مِّنْهُمْ مَّنْ كَلَّمَ اللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَاتٍ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيِّنَاتِ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ ۗ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَقْتَتَلْنَا الَّذِينَ مِنْ بَعْدِهِمْ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ وَلَكِنْ اِخْتَلَفُوا فَمِنْهُمْ مَّنْ ءَامَنَ وَمِنْهُمْ مَّنْ كَفَرَ ۗ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَقْتَتَلُوا وَلَكِنْ اللَّهُ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ۝﴾

(Surah al-Baqarah 2: 253)

Teks terjemahan:

Rasul-rasul itu Kami lebihkan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain. Di antara mereka ada yang Allah berkata-kata (secara langsung dengan mereka) dan sebahagiannya Allah meninggikan beberapa darjat. Dan Kami berikan kepada Isa Putera Maryam beberapa mukjizat serta Kami perkuatkan dia dengan Ruhul Qudus. Dan jika Allah mengkehendaki, nescaya tidaklah berbunuh-bunuhan orang (yang datang) setelah rasul-rasul itu, setelah datang kepada mereka beberapa keterangan, akan tetapi mereka berselisih, maka ada (pula) di antara mereka yang kafir. Seandainya Allah mengkehendaki, tidaklah mereka berbunuh-bunuhan. Akan tetapi Allah berbuat apa yang dikehendakinya (THQK, 2013).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi iqtatala* (اقتاتل). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi qatala* (قتل) yang membawa maksud 'bunuh', 'hina', 'merendahkan', 'mendalami' atau 'mensia-siakan' (KBAMD, 2006). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *iqtatala* (اقتاتل) mengikut *wazn ifta'ala* (افتاعل) yang membawa maksud 'saling berbunuh-bunuhan' (KBAMD, 2006).


Perkataan *iqtatala* (اقتاتل) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Al-Zuhayli (1998) menyebut bahawa perkataan *iqtatala* (اقتاتل) tersebut merujuk kepada maksud 'bunuh'. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud 'hina', 'merendahkan', 'mendalami' atau 'mensia-siakan'. Ayat tersebut menjelaskan bahawa setiap para rasul itu mempunyai beberapa kelebihan dan keistimewaan antara satu sama lain. Ada dalam kalangan mereka yang diturunkan kitab-kitab suci, dianugerahkan mukjizat yang amat luar biasa dan mendapat bantuan daripada malaikat Jibril. Jika setiap umat melihat kebenaran-kebenaran ini, mereka pasti tidak akan berkelahi atau berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Tetapi sikap ego diri dan hasad dengki menyebabkan mereka tidak patuh kepada ajaran para rasul mereka lagi (Abdullah & Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua *iqtatala* (اقتاتل) berfungsi sebagai *al-musharakah* atau menunjukkan bahawa perbuatan 'bunuh' itu 'saling' dilakukan secara bersama-sama dan kedua-dua pihak menerima kesan perbuatan tersebut. Terjemahan tepat apabila memilih perkataan 'berbunuh-bunuhan' daripada perkataan 'saling berbunuh-bunuhan' kerana perkataan 'berbunuh-bunuhan' dengan imbuhan '*ber ...*' pada hadapan kata sudah cukup untuk menggolongkannya sebagai kata bangun refleksi menunjukkan perbuatan yang saling berbalasan (Hasan, 2006).

DAPATAN KAJIAN

Kata imbuhan awalan *alif* (ا) yang memasuki kata akar bagi kata kerja *madi fa'ala* (فعل) dan kata imbuhan sisipan *ta'* (ت) yang diletakkan selepas huruf pertama kata akar bagi kata kerja *madi* tersebut iaitu *fa'* (ف), akhirnya membentuk perkataan baharu iaitu *ifta'ala* (افتعل) yang mempunyai enam fungsi iaitu *al-mutawa'ah* atau kesan dan refleks daripada sesuatu perlakuan kata kerja, *al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l* iaitu 'melampau dalam melakukan sesuatu perbuatan', *al-musharakah* iaitu 'saling' dilakukan secara bersama-sama dan kedua-dua pihak menerima kesan perbuatan tersebut, *al-ijtihad* atau menunjukkan sesuatu perbuatan itu dilakukan dengan bersungguh-sungguh 'mengambil dan *al-ittikhadh* iaitu menggunakan sesuatu' dan *al-izhar* iaitu 'menyatakan dan menjelaskan' sesuatu.

Namun, berdasarkan analisis terhadap enam sampel kajian sebelum ini mendapati bahawa kesemua imbuhan dalam keenam-enam sampel kajian tersebut didapati berfungsi sama ada sebagai *al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l*, *al-musharakah*, *al-ijtihad*, *al-ittikhadh* atau *al-izhar* sahaja. Tidak terdapat sebarang sampel yang ditemui berfungsi sebagai *al-mutawa'ah*. Ini bermakna fungsi kata imbuhan seperti *al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l*, *al-musharakah*, *al-ijtihad*, *al-ittikhadh* dan *al-izhar* mewakili 83.3% daripada keseluruhan fungsi yang dinyatakan, terlibat dalam sampel kajian. Hanya fungsi kata imbuhan *al-mutawa'ah* yang mewakili 16.7%, tidak ditemui dalam mana-mana sampel kajian. Carta di bawah menunjukkan bilangan dan peratusan fungsi imbuhan yang terlibat atau tidak tersebut dalam sampel sebelum ini secara ringkas.



Carta 1. Bilangan dan peratusan fungsi imbuhan yang terlibat atau tidak

KESIMPULAN

Terjemahan ialah satu proses seni dalam memindahkan maklumat daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan mencari padanan yang paling sepadan antara keduanya supaya hasilnya tepat dan boleh difahami. Salah satu

proses yang dilakukan dalam bidang ini ialah mencari padanan makna berdasarkan fungsi morfologi daripada teks bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Padanan makna ini pula amat berkait rapat dengan kata kerja berimbunan kerana kata kerja ini terbentuk daripada gabungan kata akar dengan kata imbuhan. Walau bagaimana pun, ramai dalam kalangan penterjemah menghadapi kesukaran untuk mencari padanan terjemahan derivasi kata kerja berimbunan Arab yang paling tepat ke dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan kegagalan untuk menentukan kesepadanan fungsi terjemahan derivasi kata kerja berimbunan antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran.

Limitasi kajian dalam makalah ini memberikan tumpuan kepada fungsi terjemahan derivasi *ifta'ala* yang sepadan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan terhadap enam sampel data daripada *wazn* kata kerja berimbunan *madi ifta'ala* yang ditemui dalam surah al-Baqarah. Kata kerja berimbunan *madi ifta'ala* ini terdiri daripada kata imbuhan awalan *alif* (ا) yang memasuki kata akar bagi kata kerja *madi fa'ala* (فعل) dan kata imbuhan sisipan *ta'* (ت) yang diletakkan selepas huruf pertama kata akar bagi kata kerja *madi* tersebut iaitu *fa'* (ف), akhirnya membentuk perkataan baharu iaitu *ifta'ala* (افتعل) yang mempunyai enam fungsi iaitu *al-mutawa'ah*, *al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l*, *al-musharakah*, *al-ijtihad*, *al-ittikhadh* dan *al-izhar*. Kajian ini mengutamakan konsep kajian kepustakaan dalam pengumpulan data. Rujukan sumber terdiri daripada sumber utama dan sumber sekunder. Sumber utama dikutip daripada 'Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim' dan 'Kamus Besar Arab Melayu Dewan', manakala data sekunder pula diperolehi melalui bahan-bahan bacaan yang mempunyai kaitan dengan analisis sampel kajian yang terdiri daripada dua buah kitab tafsir al-Quran utama iaitu 'al-Tafsir al-Munir' yang ditulis oleh al-Zuhayli serta 'Tafsir Mubin' yang ditulis oleh Abdullah dan Khalid. Sampel-sampel yang terpilih dianalisis secara kontrastif untuk mencari persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa daripada aspek fungsi kata imbuhan yang disisipkan pada sesuatu kata kerja berimbunan. Penentuan fungsi kata imbuhan yang terdapat pada kedua-dua bahasa pula hanya diketahui berdasarkan konteks ayat yang difahami melalui 'KBAMD' serta dua buah kitab tafsir al-Quran iaitu 'TMR' serta 'TMN'. Satu kerangka kerja teoritikal dan konseptual telah dikemukakan untuk semua proses ini.

Berdasarkan analisis kajian menunjukkan bahawa kesemua imbuhan dalam keenam-enam sampel tersebut didapati berfungsi sama ada sebagai *al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l*, *al-musharakah*, *al-ijtihad*, *al-ittikhadh* atau *al-izhar* sahaja. Tidak terdapat sebarang sampel yang ditemui berfungsi sebagai *al-mutawa'ah*. Ini bermakna fungsi kata imbuhan seperti *al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l*, *al-musharakah*, *al-ijtihad*, *al-ittikhadh* dan *al-izhar* mewakili 83.3% daripada keseluruhan fungsi yang dinyatakan, terlibat dalam sampel kajian. Hanya

fungsi kata imbuhan *al-mutawa'ah* yang mewakili 16.7%, tidak ditemui dalam mana-mana sampel kajian. Kesemua sampel kajian didapati telah diterjemahkan mengikut padanan fungsi terjemahan terhadap kata kerja berimbuhan *ifta'ala* dengan baik. Akhirnya, penterjemahan dilihat berjaya kerana dilakukan dengan baik dan difahami bersesuaian dengan konteks ayat.

RUJUKAN

- 'Abd al-Hamid, M. M. (2009). *Durus al-Tasrif*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Abdullah, S., & Khalid, O. (2009). *Tafsir Mubin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz, M. B. (2010). *Ketepatan Padanan Terjemahan Puisi Arab dalam Kitab La Tahzan: Satu Analisis Bandingan*. (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Abdul Talib, A. A. (1996). *Menguji Kemahiran Bahasa; Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Wahid, P. R. (2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Hamlawi, A. M. A. (2003). *Shadha al-'Arf fi 'Ilm al-Sarf*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Hasan, A. (2006). *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publication dan Distributors Sdn. Bhd.
- Ibrahim, Z., Mat Yassim, A. R. & Shoniah, S. (2006). *Kajian Bahasa dan Terjemahan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ismail, M. R. (2003). *Bahasa Arab Mikro; Binaan Kata dan Fungsi Makna*. Kota Bharu: Arabic Language and Consultancy.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lubis, M. B., Jumingan, M. F., & Mohamad, K. (1998). *Penerjemahan Arab Melayu Arab; Peraturan dan Dasar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nida, E. A. (1964). *Towards a Science of Translation*. Leiden: Brill, E. J.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press.
- Qaddur, A. M. (1996). *Mabadi' al-Lisaniyyat*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- al- Rajihi, A. S. D. A. (2008). *Al-Tatbiq al-Sarfi*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Sulaiman, M. H. (2011). *Penguasaan Kemahiran Penterjemahan Perkataan Arab Berimbuhan di Kalangan Pelajar IPTA*. (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya).

Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim. 2013. Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn Bhd.

al-Zuhayli, W. (1998). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.